

Headline	TNB bawa keceriaan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	3
ArticleSize	385 cm²	Journalist	Siti Zubaidah Mat
PR Value	RM 19,701		



TNB *bawa keceriaan*

SITI ZUBAIDAH MAT ISA
FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

KUALA LUMPUR - Senyuman penuh keceriaan dan tanganis kegembiraan menyambut kedatiran ahli PELITAWANIS Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Cawangan Ibu Pejabat) sebaik tiba di wad-wad Hospital Kuala Lumpur.

Setiap pesakit punya pelbagai kisah suka dan duka mereka sendiri. Ada yang terlantar kerana kemalangan, sakit tua, derita sakit buah pinggang, kanser dan pelbagai masalah.

"Ong sudah malai!" Itu ungkapan pertama daripada pesakit, Lee May Ching, 53, yang menghidapi kanser payudara sejak 2008 sebaik menerima kunjungan ahli PELITAWANIS TNB (Cawangan Ibu Pejabat).

Kali ini, beliau terpaksa ditahan di wad kerana alah terhadap makanan laut dan doktor perlu memastikan beliau benar-benar sihat.

Ketika ketibaan ahli PELITAWANIS TNB (Cawangan Ibu Pejabat), beliau dibenarkan keluar hospital. Keshatahannya semakin baik dan jelas terpancar merentasi senyuman diwajahnya yang turut ditemani suami Thian Soo, 57.

"Terima kasih kerana sudi datang dan membawa keceriaan kepada kami. Bukan 'angpau' yang kami mahukan, tetapi keprihatinan kamu semuanya memberi galakkan kepada kami untuk melawan kesakitan ini," katanya.

Bahkan kehadiran kami di Wad Warga Emas turut membuatkan pesakit menitiskan air matakan. Tidak disangka, si tua ini masih ramai yang sayang.

Ketika melalui Wad Mata, kami bertemu dengan adik William Mok, 9 yang mempunyai masalah mata. Senyumannya meleret, gelak dan ketawa riang namun amat pemalu sebaik diberikan angpau oleh

Pengerusi PELITAWANIS TNB (Cawangan Ibu Pejabat), Datin Ungku Ashiela Ungku Hamzah.

Walaupun William mungkin tidak dapat melihat seperti insan normal yang lain, tetapi senyumannya membangunkan turut merasakan kebahagiannya.

Nyatanya kehadiran PELITAWANIS TNB (Cawangan Ibu Pejabat) mencerekakan hari-hari mereka, apakah lagi ketika diri sedang terlantar di katil pesakit hospital dan ketika orang lain rancak melakukan persiapan sambutan Tahun Baru Cina, Jumaatini.

Sumbangan sempena Tahun Baru Cina, adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat PELITAWANIS TNB (Cawangan Ibu Pejabat). Seramai 38 pesakit kaum Cina di Wad Ortopedik, Wad Mata, Wad Warga Emas dan Wad Ginekologi HKL menerima sumbangan dari

Tong Kang (dua, kiri) dan Pengerusi PELITAWANIS TNB (Cawangan Ibu Pejabat), Ungku Ashiela (kanan) menyampaikan sumbangan angpau kepada pesakit cina HKL, May Ching sempena Tahun Baru Cina.

pada PELITAWANIS TNB (Cawangan Ibu Pejabat).

Turut sama pada majlis sumbangan itu adalah Ketua Pegawai Risiko TNB, Datuk Dr Lim Tong Kang dan isteri serta Bendahari PELITAWANIS TNB (Cawangan Ibu Pejabat) Norly Mohd Nor.

Bagi Ungku Ashiela, tiada apa yang diharapkan selain

kesemua pesakit segera sembuh dan dapat pulang menyambut Tahun Baru Cina bersama keluarga tersayang.

"Ini adalah satu cara untuk kami sentiasa dekat dengan masyarakat terutama mereka yang memerlukan. Setiap kali bertemu pesakit, hati kami turut tersentuh. Namun gembira melihat

senyuman mereka."

"Sekurang-kurangnya sumbangan ini dapat menceriakan dan membantu mereka melakukan persiapan Tahun Baru Cina. Kepada pesakit yang tidak dapat pulang, saya yakin, jururawat dan doktor bertugas akan memberikan perkhidmatan terbaik kepada mereka," katanya.

